

Manfaat wacana depani cabaran pendidikan Islam

DEWAN Seri Bernam di Sungai Besar, Sabak Bernam menghimpunkan kira-kira 200 orang guru pendidikan Islam dari peringkat sekolah rendah hingga menengah pada Program Ijtima' Perdana Guru Pendidikan Islam Peringkat Selangor 2026.

Menerusi program anjuran bersama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) itu, guru-guru yang juga dianggap sebagai pendakwah boleh menyelami peranan dan tanggungjawab sebagai guru Pendidikan Islam di negeri ini.

Malah, mereka diseru supaya membawa sikap pendakwah yang benar dalam sistem pendidikan negara serta mendapat maklumat tentang dasar secara tepat dan terus selain mencari titik penyatuan dalam sistem pendidikan agama Islam selari dengan kehendak kerajaan.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari yang merasmikan program itu dalam ucapannya mengingatkan guru-guru supaya memanfaatkan penggunaan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan sebagainya bagi mendepani cabaran dakwah khususnya dalam media sosial yang mudah menimbulkan kekeliruan dan perpecahan.

■ AMIRUDIN Shari bersama 200 guru-guru pendidikan Islam dan warga YADIM pada Program Ijtima' Perdana Guru Pendidikan Islam Peringkat Selangor 2026 di Sabak Bernam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI



25 pempengaruh sertai Famtrip Majestic Johor

SERAMAI 25 orang pempengaruh terkenal telah menyertai program Famtrip Majestic Johor X Gaya Travel 2026 menjelajah tiga daerah Muar, Tangkak dan Johor Bahru di Johor, baru-baru ini.

Di Tangkak, mereka dibawa melawat beberapa destinasi pelancongan dan industri kecil dan sederhana termasuk HS Farmstay; Pak Maon Western; Kerepek Shernita; Azzu Bahulu; Laman Mahkota; Kebun Jambu Atuk Janis dan LeyPark D'Sawah.

Program selama tiga hari anjuran Tourism Johor itu turut disertai media dan pempengaruh dari negara ini dan Batam, Indonesia.

Mereka turut mempromosikan tempat yang dilawati dengan memuat naik video di laman sosial mereka.

■ PESERTA Program Famtrip Majestic Johor X Gaya Travel 2026 anjuran Tourism Johor mengadakan lawatan di Kebun Jambu Atuk Janis dekat Tangkak, Johor, baru-baru ini.

500 sertai Local Penang Fun Walk anjuran PSP, Kelab Belia Perpaduan

KIRA-KIRA 500 peserta mengambil bahagian dalam Local Penang Fun Walk sempena program Rakan Muda Unleashed Fest X PSP Co-Curricular Day 2026 anjuran Politeknik Seberang Perai (PSP) dengan kerjasama Kelab Belia Perpaduan Seberang Perai, baru-baru ini.

Program berkenaan dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Penang Youth Development Corporation (PYDC), Ahmad Zaki Shah Shah Headan dan dihadiri oleh beberapa pimpinan PSP termasuk Timbalan Pengarahnya, Ts. Dr. Zulhadi Zakaria.

Menurut PSP, penganjuran program itu merupakan sebahagian daripada usaha PSP untuk memperkukuh pembangunan pelajar secara holistik melalui penglibatan aktif dalam aktiviti di luar bilik kuliah.

Katanya, selain Local Fun Walk, pengisian lain sepanjang program tersebut berlangsung termasuk PSP Co-Curricular Day, pameran agensi dan badan beruniform, aktiviti kesukanan dan e-sukan, program kesihatan serta kesukarelaan, demonstrasi dan aktiviti interaktif bersama komuniti serta rakan strategik.

■ ZULHADI Zakaria (empat dari kanan) ketika *flag-off* bagi acara Local Penang Fun Walk sempena program Rakan Muda Unleashed Fest X PSP Co-Curricular Day 2026 anjuran PSP dengan kerjasama Kelab Belia Perpaduan Seberang Perai di Pulau Pinang, baru-baru ini.



Perlawanan bola sepak temukan alumni SMK Permas Jaya

ALUMNI Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Permas Jaya, Johor Bahru mengadakan perlawanan persahabatan bola sepak bagi mengeratkan hubungan silaturahim sesama bekas pelajar sekolah berkenaan.

Wakil alumni, Muhammad Zaki Supaid, 43, berkata, program itu dianjurkan alumni sekolah tersebut bertujuan memberi peluang kepada bekas-bekas pelajar kembali bertemu dalam suasana santai dan berfaedah.



"Kami anjurkan perlawanan bola sepak kerana sukan ini membenarkan ramai alumni turut serta. Mereka yang bukan atlet ketika sekolah juga boleh terlibat sama dalam perlawanan persahabatan.

"Tujuannya bukan untuk lihat alumni mana yang lebih hebat bermain bola sepak, tetapi lebih kepada memberi peluang alumni bertemu selepas lebih 20 tahun tidak bertemu," katanya.

■ ANTARA pasukan alumni SMK Permas Jaya, Johor Bahru yang menyertai pertandingan persahabatan bola sepak antara alumni sekolah berkenaan, baru-baru ini.